

LATIHAN SIMULASI KECEMASAN LPT2 PERKUKUH TINDAK BALAS DAN KOORDINASI PASUKAN PENYELAMAT

Kuala Terengganu, 25 September 2025:- Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. (LPT 2 Sdn. Bhd.) telah menganjurkan satu latihan simulasi menghadapi kecemasan di lebuhraya di laluan antara Kijal ke Cukai, di KM297 (Arah Selatan) di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2), hari ini.

Menurut Pengarah LPT 2 Sdn. Bhd., Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi, “Keselamatan pengguna lebuhraya adalah keutamaan kami. Oleh itu, latihan simulasi kecemasan ini diadakan untuk membantu kami menguji tahap kesiediaan pasukan LPT 2 Sdn. Bhd, serta pasukan penyelamat dan agensi berkaitan, menilai keberkesanan tindakan yang diambil, mengukur masa tindak balas dalam menghadapi kecemasan, serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dari segi prosedur, proses, koordinasi dan komunikasi antara semua pihak yang terlibat.”

Tambah Datuk Ir. Zakaria, “Latihan kecemasan ini juga bermatlamat untuk memperkukuh hubungan libat urus dan kerjasama erat LPT 2 Sdn. Bhd. bersama agensi-agensi terlibat untuk memperkasakan kemahiran semasa menghadapi kecemasan demi memastikan keselamatan pengguna lebuhraya. Pihak LPT 2 Sdn. Bhd. turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi serta pihak yang telah bersama-sama menjayakan latihan kecemasan ini.”

Latihan simulasi kecemasan yang dijalankan melibatkan penyertaan lebih 100 anggota oleh agensi-agensi penyelamat dan rakan strategik yang terbabit antaranya Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Hospital Daerah Kemaman, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, LPT2 Sdn. Bhd., Edgenta Infrastructure Services Sdn. Bhd., ZHA Pengangkutan Sdn. Bhd. serta agensi sokongan lain.

Menurut Pegawai Operasi Zon 2 Terengganu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu, Penolong Penguasa Bomba Sa’ariah Hassan, “Kerjasama erat antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu, pihak LPT2 serta semua agensi yang terlibat melalui latihan berkala ini membuktikan komitmen berterusan pihak penyelamat untuk sentiasa berada selangkah ke hadapan. Usaha proaktif ini bukan sahaja memperkukuh tahap kesiapsiagaan, malah memastikan setiap agensi dapat bertindak pantas, teratur dan berkesan apabila berdepan dengan situasi kecemasan sebenar.”

Melalui penganjuran latihan kecemasan ini, LPT 2 Sdn. Bhd. menegaskan komitmennya untuk memastikan keselamatan pengguna lebuhraya sentiasa menjadi keutamaan utama, sekali gus memperkukuh keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan lebuhraya.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---